

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HLM 312 Kajian Wayang Kulit

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA [5] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan dengan mendalam peralatan muzik Wayang Kulit Siam (Kelantan) serta kegunaan lagu-lagu dalam sebuah pementasan wayang kulit jenis tersebut.

2. Tuliskan dengan ringkas mengenai:

Sama ada

(a) Jenis-jenis wayang kulit yang terdapat di Pulau Bali.

atau

(b) Jenis-jenis wayang kulit yang terdapat di negeri Thai.

Anda diminta menyentuh peralatan, cara persembahan serta peranan jenis wayang kulit pilihan anda.

3. Walaupun wayang kulit biasanya dipentaskan di Asia Tenggara sebagai suatu jenis teater bertujuan hiburan, terdapat juga persembahan-persembahan wayang kulit berbentuk ritual. Pilih salah satu daripada bentuk wayang kulit yang dimainkan dalam konteks ritual dan seterusnya bincangkan teknik pementasannya serta peranan persembahan.

.../2

4. Apakah, bagi pendapat anda, pengaruh-pengaruh utama daripada kebudayaan India yang terdapat pada wayang kulit di Asia Tenggara? Anda diminta menggambarkan perbincangan anda dengan contoh-contoh stail wayang kulit yang sesuai.

5. Bincangkan dengan ringkas dua [2] daripada tajuk-tajuk berikut:
 - (a) Lakon Dewaruci.
 - (b) Cerita-cerita ranting Ramayana.
 - (c) Wayang Kulit Wahyu.
 - (d) Lakon Murwakala.

-ooo000ooo-